

## *THE Awards Asia 2023:* UNIMAS Tercalon Ke Pentas Akhir



**London:** Buat kali kelima berturut-turut sejak 2019, UNIMAS telah berjaya tercalon ke pentas akhir *THE Awards Asia 2023*.

Pengumuman finalis *THE Awards Asia 2023* telah dibuat oleh pihak THE yang berpangkalan di London pada 23 Mac 2023.

Pada tahun ini, UNIMAS telah tersenarai dalam kategori *International Strategy of the Year* melalui projek *e-EduTour 2022 - Online Student Mobility Programme between Faculty of Language and Communication UNIMAS, Utsunomiya University Japan and SK Luagan Lawas Sarawak*.

UNIMAS satu-satunya Universiti dari Malaysia tercalon ke peringkat akhir dalam kategori ini bersama 7 lagi Universiti dari India, Jepun, Hong Kong, Filipina dan Taiwan.

Ia sememangnya satu pengiktirafan antarabangsa atas usaha UNIMAS membina kekuatan dalam banyak bidang yang penting untuk kejayaan.

*THE Awards Asia* merupakan platform antarabangsa utama untuk mengiktiraf prestasi kepimpinan dan institusi yang cemerlang dan meraikan kecemerlangan pendidikan tinggi benua Asia.

Pengumuman pemenang akan dilakukan pada Sidang Kemuncak Universiti Asia di Hong Kong pada 21-23 Jun 2023.

# BENGGKEL


Semakan Dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) UNIMAS

# MESYUARAT

KUALITI DATA (MKD) BIL.1/2023



**Bengkel Semakan Dokumen SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) UNIMAS**  
 27-28 MAC 2023  
 8.30 am - 4.30 pm  
 Bilik Mesyuarat 2, Aras 2,  
 Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (CITDS)



Bengkel Semakan Dokumen ISMS telah diadakan pada 27-28 Mac 2023 secara bersemuka bertempat di Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (CITDS). Bengkel semakan ini amat penting di dalam pensijilan bagi memastikan keselamatan maklumat sentiasa dikemaskini, dinilai semula agar lebih sistematik dan terpelihara. Bengkel ini dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa ISMS daripada SQRC (Penyelaras Pensijilan dan Dokumen), CITDS (Pembangun Sistem) dan BPPs (Pemilik Sistem).

Kategori	KUALITI DATA (MKD) BIL.1/2023				KUALITI DATA	TARAF BINTANG
	SAHABAT PERUSAHAAN	MAHASISWA	STAF	INSTITUSI		
1001	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1002	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1003	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1004	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1005	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1006	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1007	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1008	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1009	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★
1010	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000	★★★★★


## Penghantaran Data *Times Higher Education (THE)*

*Times Higher Education World University Ranking (THE WUR) 2024* merupakan ranking yang menilai pencapaian universiti merentas teras utama meliputi pengajaran (persekitaran pembelajaran); penyelidikan (jumlah, pendapatan dan reputasi); Sitasi (pengaruh penyelidikan); pendapatan industri (pemindahan pengetahuan) dan keterlibatan antarabangsa (kakitangan, pelajar dan penyelidikan). Ia menggunakan 13 penunjuk prestasi yang diukur dengan teliti untuk memberikan perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang. Untuk penghantaran kali ini, pihak THE telah mengemaskini metodologi penilaian bagi THE WUR 2024 seperti berikut:

Antara pembaharuan dalam penilaian adalah:

- i) Rangkaian ukuran bibliometrik yang lebih luas yang memberikan lebih cerapan dan kestabilan dari tahun ke tahun;
- ii) Penambahbaikan kepada metrik antarabangsa untuk lebih mencerminkan saiz dan kepelbagaian negara;
- iii) Peranan diperluaskan untuk pemindahan teknologi, dengan metrik baharu pada bidang ini.

Tarikh akhir penghantaran data telah dilanjutkan kepada 3 April 2023.



# Penyelarasan Bersama Majlis Iftar Perdana UNIMAS 2023

SQRC telah terlibat secara tidak langsung di dalam penganjuran Majlis Iftar Perdana UNIMAS 2023 bersama pihak UNIMAS Corporate (UC) dan Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) yang telah diadakan pada 29 Mac 2023 bertempat di PITAS. Program sebegini dirancang bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan penyampaian bantuan kepada masjid-masjid di sekitar Samarahan di samping menyantuni rakan strategik, komuniti setempat, staf dan pelajar UNIMAS. Program ini telah dihadiri oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib dan hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah UNIMAS, Timbalan-timbalan Naib Canselor UNIMAS serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum dari kawasan Kota Samarahan.





## Sesi Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko (Sesi 1)



SQRC di bawah Unit Pengurusan Risiko telah mengadakan Sesi Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko (Sesi 1) melibatkan PTj-PTj yang mempunyai risiko signifikan (Tinggi/ Sangat Tinggi) pada 31 Mac 2023. Antara PTj-PTj yang terlibat adalah Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU), Arena Tun Tunku Haji Bujang, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Fakulti Sains Sosial dan Komunikasi & Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Sesi ini penting bagi menapis risiko-risiko sebelum dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil.02/2023 pada 5 April 2023.



## Sesi Serah Tugas Penolong Pegawai Tadbir

Satu sesi penyerahan tugas bagi Penolong Pegawai Tadbir telah dijalankan pada 6 April 2023. Encik Gustinata Basuan yang telah berkhidmat di Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko sejak tahun 2016 telah ditempatkan semula di Pejabat Naib Canselor bermula April 2023 dan tugasnya kini dipikul oleh Puan Salmiah Nahravi yang sebelum ini bertugas di Bahagian Integriti, UNIMAS.



## Taklimat Sistem *MyResult* bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2024 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)



Satu sesi taklimat Sistem Sistem *MyResult* bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2024 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan telah diadakan pada 11 April 2024 secara atas talian dan taklimat ini dibentangkan oleh Pentadbir *Myresults* bagi menerangkan tatacara kemasukan data ke dalam sistem *Myresults* sebagai panduan kepada pengguna ID *Myresults*. Taklimat ini turut disertai oleh Pejabat Bendahari selaku PTj Penyelaras Bersama.



# Webinar “New Revision of the Information Security Management System ISO/IEC 27001:2022” Securing Information Confidentiality and Integrity

Webinar “New Revision of the Information Security Management System ISO/IEC 27001:2022” telah diadakan pada 11 April 2023 melalui aplikasi Microsoft Team yang melibatkan SQRC dan CITDS. Intipati webinar adalah berkaitan dengan peralihan ISO/IEC 27001:2013 kepada ISO/IEC 27001:2022



The poster features a blue gradient background. At the top left is a red 'LIVE' icon with a play button. At the top right is the SIRIM QAS International logo. The main title is centered in large white text on blue rectangular backgrounds. Below the title is the subtitle 'Securing Information Confidentiality and Integrity'. On the left, there is a QR code and the event details: '11 April 2023, Tuesday', 'Microsoft Teams Online', and '11.30 am – 13.30 pm'. Below the QR code is the registration information: 'For Registration' in yellow and the URL 'https://tinyurl.com/4u4c8uer'. At the bottom left, the speaker's name 'Sazlin Alias' and title 'Principal Auditor, SIRIM QAS International' are listed. On the right side, there is a large 3D shield icon with a checkmark inside. At the bottom right, there are social media icons for Facebook, Twitter, YouTube, LinkedIn, and Instagram.

**LIVE**

**SIRIM QAS INTERNATIONAL**

Webinar on the New Revision of the  
**Information Security Management System**  
**ISO/IEC 27001:2022**  
Securing Information Confidentiality and Integrity

 11 April 2023, Tuesday  
Microsoft Teams Online  
11.30 am – 13.30 pm

**For Registration**  
<https://tinyurl.com/4u4c8uer>

**Sazlin Alias**  
Principal Auditor,  
SIRIM QAS International





## Sungkey @ The Square

SQRC turut mengimarahkan program Sungkey @ The Square anjuran UNIMAS Corporate pada 14 April 2023 bertempat di Dataran Canselori. Program ini sekali lagi diadakan selepas penularan Covid-19 dan kali terakhir dianjurkan adalah pada tahun 2019. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk mengeratkan persefahaman dan memupuk perpaduan dalam kalangan staf dan pelajar UNIMAS sambil menikmati pemandangan matahari terbenam bersama keluarga dan rakan-rakan. Program 'sungke' luar turut diadakan bagi meraikan ulang tahun ke-10 jawatan Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi sebagai Naib Canselor UNIMAS. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Panglima Sulong Matjeraie.





## Lawatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA)



Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) telah hadir di Pejabat Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko pada 17 April 2023. YBhg Prof. Ir. Ts. Dr. Al-Khalid bin Hj Othman telah dilantik sebagai TNC HEPA pada Mac 2023. Beliau meluangkan masa dan mendengar penerangan ringkas berkaitan fungsi-fungsi SQRC dan kait-rapat bersama HEPA dalam usaha membentuk satu kerjasama yang lancar dan sempurna.

## Kalender Aktiviti

April 2023		
Bil	Perkara	Tarikh
1.	Penghantaran Data THE <i>World University Ranking 2024</i>	3 April 2023
2.	Pelaporan Pelaksanaan Inisiatif di bawah Pelan Pelaksanaan Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) Bagi Suku Pertama Tahun 2023	3 April 2023
3.	Mesyuarat JKPR UNIMAS Bil. 2/2023	5 April 2023
4.	Sesi Serah Tugas Penolong Pegawai Tadbir	6 April 2023
5.	Taklimat Sistem <i>MyResult (ABM 2024)</i>	11 April 2023
6.	<i>Webinar Revision ISO/IEC 27001:2022</i>	11 April 2023
7.	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) Universiti Awam Suku Pertama Tahun 2023	12 April 2023
8.	Sesi Gambar Raya SQRC	14 April 2023
9.	Sungkey @ <i>The Square UNIMAS</i>	14 April 2023
10.	Lawatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA)	17 April 2023

Mei 2023		
Bil	Perkara	Tarikh
1.	Submission Data MyMohes Pelajar Quarter	1 Mei 2023 - 8 Mei 2023
2.	Mesyuarat Penganjuran Seminar Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Risiko Di Universiti Awam 2023	10 Mei 2023



### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**PENGARAH:**  
PROF DR TARMIZI MASRON

**TIMBALAN PENGARAH:**  
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

**PENOLONG PENDAFTAR KANAN:**  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN:**  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN:**  
ADELINE ANN LUBI

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR:**  
SALMIAH NAHRAWI

**SETIAUSAHA PEJABAT:**  
NUR AISHAH JORI

**PEMBANTU TADBIR KANAN:**  
NORISA MOHAMAD SAHARI

**PEMBANTU TADBIR:**  
SITI AFIZAH JAMIL  
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

**PEMBANTU OPERASI:**  
ROZAIMI ANIS

